

Najib Ingatkan Masyarakat Malaysia Di New York Berbangga Jadi Rakyat Malaysia Bernama
30 Sept, 2013
Oleh Manik Mehta

NEW YORK, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menamatkan lawatannya ke New York dengan bertemu masyarakat Malaysia di Pejabat Wakil Tetap Malaysia di sini Sabtu malam sambil menggesa mereka supaya berasa bangga menjadi rakyat Malaysia.

Dengan memetik contoh perpaduan dalam kalangan penduduk Amerika, beliau berkata di sebalik perbezaan mereka, penduduk dan ahli politik Amerika, mereka sentiasa bersatu di belakang bendera negara itu dan bangga menjadi rakyatnya, kata Najib yang jelas merujuk kepada perbincangan hangat yang sedang berjalan berhubung rancangan Obama menyediakan perlindungan penjagaan kesihatan kepada rakyatnya.

"Adakah anda bersedia mengenyepikan kepentingan sendiri dan berfikir mengenai negara?" soal Najib.

"Saya mempunyai impian untuk Malaysia dan mahu 28 juta penduduk kita untuk mempunyai impian ini. Mari bersama saya dalam usaha ini di sebalik perbezaan kita. Setiap orang boleh menyumbang bagi mencapai matlamat ini. Kekal bersatu dan jadikan Malaysia sebuah negara yang hebat," katanya.

Berucap di auditorium yang penuh sesak, Najib berkata jika Malaysia mahu menjadi negara yang hebat, "anda mesti mempunyai strategi global. Ia mesti menjangkau jauh dan global dalam setiap bidang."

Lawatannya merangkumi semua meliputi pelbagai sektor kepentingan sebagai sebuah ekonomi moden - multimedia, sains, bioteknologi, perniagaan, hal ehwal luar, politik malah pendidikan kanak-kanak - dengan menyatakan sektor itu dijaga isterinya.

"Saya telah berkunjung dari pantai barat sehingga timur. Saya sedar kepentingan mempunyai hubungan dengan masyarakat global terutama Amerika Syarikat," katanya sambil menambah pantai barat merupakan pusat teknologi maklumat dan beliau juga telah bertemu wakil Facebook dan Twitter.

Najib mengingatkan masyarakat Malaysia, termasuk pelajar di pelbagai institusi pendidikan Amerika yang datang untuk mendengar ucapan beliau bahawa matlamat Malaysia adalah untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

"Anda perlu menyertai usaha kita dan membantu menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020," katanya.

"Malaysia telahpun mempunyai persekitaran teknologi tinggi tetapi kita tidak mahu semata-mata menjadi pengguna teknologi maklumat..kita mahu menjadi pencipta teknologi maklumat," katanya.

"Sebab itu kita telah mewujudkan Koridor Raya Multimedia. Kita mahu syarikat-syarikat Malaysia untuk berkembang dari Cyberjaya ke Silicon Valley...sama ada kita bawa Silicon Valley ke Cyberjaya atau pergi dari Cyberjaya ke Silicon Valley.

"Malah untuk berjaya dalam sektor IT, kamu tidak perlu menjadi penuntut yang tercicir," katanya di tengah-tengah gelak tawa para hadirin yang geli hati dengan rujukan beliau kepada pengasas syarikat-syarikat IT berpangkalan di Amerika bahawa mereka diketuai pemimpin korporat yang walaupun tidak menamatkan pendidikan di kolej tetapi telah menjadi ikon korporat di peringkat global dan memberi kesan besar ke atas landskap industri dan korporat global.

Sambil menekankan keperluan bagi teknologi baharu, Najib berkata ia diperlukan bagi pelbagai aplikasi.

"Saya mahu membawa kereta elektrik Tessler ke Malaysia, sebagai contoh, kerana ia akan membantu kita mengurangkan kesan karbon. Anda perlu menjadi sebuah negara yang inovatif.

"Kita perlu inovasi dalam sektor bioteknologi. Sebagai contoh, kita perlu banyak inovasi dalam sektor kacang soya. Minyak sawit juga perlu inovatif, jika gagal sektor kacang soya akan mengambil alih kepentingannya.

"Industri pisang Malaysia terjejas dengan penyakit dan ini membawa kepada keperluan untuk teknologi global yang boleh membantu kita mengatasi masalah itu," katanya.

Program outreach IM4U juga dilancarkan pada majlis itu.

Projek itu bagi menggalakkan sukarelawan belia menyumbang ke arah mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah tempat tinggal dan bekerja yang baik.

Para pelajar Malaysia juga menyampaikan cek US\$10,000 kepada Perdana Menteri, mewakili jumlah yang dikumpul bagi Malaysia.

Seorang pelajar Malaysia yang menuntut di Steven's Institute of Technology di New Jersey memberitahu Bernama bahawa para pelajar Malaysia sedang meningkatkan usaha untuk melakukan "sumbangan sederhana" bagi membantu membina Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Sebelum itu, konsul jeneral Malaysia di New York Syed Mohammed Bakri Syed Abdul Rahman menyambut ketibaan Perdana Menteri, isterinya Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan anggota rombongan yang lain.

Syed Mohammed Bakri juga mengimbas kembali kenangan beliau bertemu Najib yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri sehingga memberi kesan positif kepada beliau, semasa ditempatkan sebagai konsul jeneral Malaysia di Jeddah.

Beliau berkata para pelajar di sini sebenarnya bertuah kerana dapat bertemu Perdana Menteri dan kenamaan lain di sini kerana semasa menuntut di Amerika, beliau tidak mendapat peluang sedemikian.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=981849>